**Latihan 1**

Lengkapkan karangan di bawah dengan menggariskan perkataan yang sesuai. Salin semula ayat-ayat ini supaya menjadi satu karangan yang lengkap.

## Hobi Saya

Hobi merupakan aktiviti yang dilakukan pada waktu lapang. Setiap (ahli / anggota / orang) ada hobi.

Hobi saya ialah (membaca / menulis / mengulangkaji) buku. Saya dapat banyak faedah (untuk/dengan/pada) membaca. Saya membaca buku pada masa (senang / tenang / lapang).

Membaca (menambahkan / menyebabkan / memberikan) ilmu pengetahuan kepada saya. Saya selalu (membeli / mengambil / meminjam) buku dari perpustakaan. (Dia / Kamu / Saya) meminjam buku-buku seperti buku rujukan, sejarah, cerita dan lain-lain.

(Sifat / Tabiat / Kelakuan) membaca juga dapat memperbaiki bahasa saya. Saya dapat (mengajar / mempelajari / memperbaiki) istilah-istilah baru. Amalan murni ini banyak membantu dalam (ajaran / pengajaran / pelajaran) saya. Saya dapat mengulangkaji pelajaran dengan (padat / singkat / senang).

Saya akan mengamalkan hobi ini untuk (seboleh-bolehnya / selama-lamanya / sesungguh-sungguhnya).

**Latihan 2**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

## Sekolah Saya

Nama sekolah saya ialah Sekolah Jenis ____1____(Tamil) Ladang Tupah. Sekolah saya _____2____di Bedong,Kedah.

Sekolah saya ______3____sebuah bangunan. Bangunan sekolah saya diperbuat daripada____4____. Di sekolah saya ada 6 buah bilik darjah, sebuah bilik pusat____5________, sebuah bilik sains dan bilik stor.

Di samping itu, di sekolah saya juga ada sebuah bilik Guru Besar, sebuah pejabat dan bilik air. Sekolah saya ada sebuah bilik ___6____yang berhawa______7____.

Kawasan sekolah saya ____8____dengan pokok-pokok bunga. Seramai 8 orang guru dan 2 orang _________9____berkhidmat di sekolah saya. Mereka sangat berdedikasi dan_______10___.

Saya dan _11___saya belajar di sekolah ini. Saya _12___belajar di sekolah saya.

| | | |
|---|---|---|
| adik | komputer | mempunyai |
| bertanggungjawab | dingin | terletak |
| dihiasi | sumber | suka |
| kakitangan | batu | Kebangsaan |

**Latihan 3**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Perpustakaan sekolah saya**

Perpustakaan merupakan suatu ______1____ilmu. Di sekolah saya ada sebuah perpustakaan.

Perpustakaan sekolah saya _____2____tetapi cantik. Di dalam perpustakaan ada ____3____jenis buku. Ia adalah seperti buku rujukan, buku cerita dan majalah. Buku-buku disusun teratur dan rapi.

Kami boleh ____4____buku dari perpustakaan. Buku-buku yang dipinjam mesti ______5____dalam masa_________6____. Kami juga boleh membaca _____7____dan membuat ___8____di perpustakaan.

Murid-murid tidak ____9____bising di perpustakaan. Seorang guru ditugaskan untuk ______10______perpustakaan. Guru perpustakaan sekolah saya ialah Puan M.Selwe.

Saya sangat ____11___perpustakaan sekolah saya. Ia mendatangkan banyak ________12_______kepada saya.

| | | |
|---|---|---|
| sukakan | rujukan | buku |
| faedah | dipulangkan | kecil |
| dibernarkan | seminggu | banyak |
| menjaga | meminjam | gedung |

**Latihan 4**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Aku sebuah kereta**

Aku sebuah kereta. Nama saya ialah ‘Proton Wira’. Saya _1____di sebuah kilang membuat kereta di Shah Alam.

Badan saya diperbuat daripada besi. Saya berwarna biru. __2__saya diperbuat daripada besi. Badan saya _______3____dengan empat tayar.

Setelah siap, saya dihantar ke kedai menjual kereta. Saya dihantar melalui sebuah kontena ke kedai. _4_________kedai telah membersihkan saya. Saya dipamerkan di kedai. Beliau _5_________tanda harga pada badan saya.

Pada suatu hari, datang seorang _6____ke kedai. Nama pemuda itu ialah Encik Ramlan. Beliau _______7____saya selama satu jam. Beliau tertarik hati pada diri saya. Beliau terus _____8____saya pada harga RM 76,000.00.

Encik Ramlan menjaga saya dengan baik. Beliau _______9____saya dengan cermat. Beliau memandu saya ke ___10___kerja tiap-tiap hari. Encik Ramlan mencuci saya dua kali________11___. Saya berasa __12___ _____dan bangga mendapat tuan sepertinya.

| | | |
|---|---|---|
| dilahirkan | tempat | gembira |
| Pemilik | melihat | memandu |
| Membeli | dipasang | meletakkan |
| Badan | pemuda | seminggu |

**Latihan 5**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

## Aku sebuah basikal

Aku sebuah basikal. Nama saya ialah 'BMX'. Saya dilahirkan di sebuah kilang membuat basikal di Shah Alam.

Badan saya ______1____daripada besi. Saya berwarna biru. Badan saya ____2____dengan dua tayar.

Setelah siap, saya ___3____ke kedai menjual basikal. Saya dihantar melalui sebuah lori ke kedai. ____4____kedai telah membersihkan saya. Saya dipamerkan di kedai. Beliau meletakkan tanda ________5____pada badan saya.

Pada suatu hari, datang seorang budak ke kedai. Nama __6____itu ialah Rajan. Dia melihat saya ____7____satu jam. Dia ___8____hati pada diri saya. Dia terus membeli saya pada harga RM 76,000.00.

Rajan ____9____saya dengan baik. Dia _____10___saya ke sekolah tiap-tiap hari. Rajan ___11___saya dua kali___12________. Saya berasa gembira dan bangga mendapat tuan sepertinya.

| | | |
|---|---|---|
| dihantar | menjaga | seminggu |
| mencuci | harga | tertarik |
| selama | Pemilik | budak |
| diperbuat | dipasang | menunggang |

**Latihan 6**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Aku sehelai kemeja**

Aku sehelai________1____. Nama saya ialah 'Padini'. Saya dilahirkan di sebuah kilang tekstil.

Saya berasal daripada kapas yang dipintal menjadi ____2____. Benang itu ditenun pula menjadi kain. Saya mempunyai lengan panjang. Badan saya berwarna_3____

Setelah siap, saya ___4____di dalam sebuah kotak dan dihantar ke kedai kain. Saya dihantar melalui _5____van. Saya _6____di salah sebuah kedai kain di pusat membeli belah.

Pada suatu hari, datang seorang _7____ke kedai. Nama pemuda itu ialah Encik Basri. Beliau melihat saya selama satu jam. Beliau __8___ hati pada diri saya. Encik Basri terus _9____aya pada harga RM25.00.

Encik Basri menjaga saya dengan baik. Beliau memakai saya ke 10_ kerja. Beliau akan mencuci setelah ____11___saya. Encik Basri akan kelihatan tampan setelah memakai saya. Saya berasa gembira dan _12___ mendapat tuan sepertinya.

| | | |
|---|---|---|
| benang | dipamerkan | bangga |
| memakai | kemeja | tempat |
| merah | membeli | pemuda |
| sebuah | disimpan | tertarik |

**Latihan 7**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Aku sebatang pen**

Aku sebatang pen. Nama saya ialah ‘Kilometriko’. Aku ___1___di sebuah kilang membuat pen.

Badan saya diperbuat daripada____2__. Perut saya diisi dengan dakwat. Dakwat saya _3____biru. Bentuk saya_____4___.

Setelah siap, saya dihantar ke sebuah ___5__buku. Saya disimpan di dalam sebuah __6____bersama-sama kawan saya. Pemilik kedai telah membersihkan saya. Beliau meletakkan tanda harga pada ____7____saya. Beliau menyimpan saya di dalam sebuah ____8____kaca.

Pada suatu hari datang seorang___9___. Nama gadis itu ialah Aini. Aini melihat saya selama satu jam. Dia _10___hati pada diri saya. Dia terus membeli saya pada harga RM 3.50.

Aini menjaga saya dengan baik. Dia menggunakan saya untuk menulis. Aini bangga dengan kebolehan saya. Aini _11___saya ke sekolah tiap-tiap hari. Saya berasa gembira dan bangga mendapat ________12 sepertinya.

| | | |
|---|---|---|
| badan | tuan | panjang |
| membawa | berwarna | kedai |
| gadis | tertarik | plastik |
| almari | kotak | dilahirkan |

**Latihan 8**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

## Aku seekor ikan

Aku seekor ikan. Aku _1____di sungai. Aku tinggal _2____ramai kawan.

Badan aku__3___. Sisik aku sangat tebal. Aku suka makan____4____. Aku juga makan cacing.

Pada suatu hari, datang ________5___budak ke___6____. Mereka bercadang untuk memancing. Saya mula berasa ___7____dan kecewa. Seorang budak ____8____Arun memancing aku.

Arun _____9____aku ke rumah. Aku berasa amat takut. Arun melepaskan aku ke dalam sebuah _____10___di biliknya. Aku berasa gembira.

Dia memberi aku _________11___dua kali setiap hari. Aku _____12___dengan gembira bersama tuan saya.

| | | |
|---|---|---|
| makanan | bersisik | hidup |
| sekumpulan | sungai | membawa |
| takut | lumut | bersama |
| tinggal | akuarium | bernama |

**Latihan 9**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Aku sepohon rambutan**

Saya sepohon__1____. Saya banyak didapati di kawasan_____2____.

Badan saya ________3____daripada daun, dahan, batang, akar dan buah. Akar tunjang membolehkan saya berdiri_4____. Daun ____5 makanan untuk saya.

Akar menolong saya __6____air. Saya boleh membesar sehingga tiga meter tingginya.

Setelah tiga tahun, saya mula______7___. Saya berbuah mengikut musim. Buah saya bulat dan__8___. Apabila masak, buah saya _____9 kemerah-merahan. Isinya lembut dan berwarna____10________.

Orang ramai ____11____makan buah saya. Buah saya sangat __12___dan berharga murah.

| | | |
|---|---|---|
| berbuah | suka | tegak |
| terdiri | berwarna | menghasilkan |
| rambutan | berbulu | perkampungan |
| berkhasiat | mencari | putih |

**Latihan 10**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Bercuti di kampung**

588, Lorong 2/A,
Taman Sejati Indah,
08100 Bedong,
Kedah.

10.02.2011

Menemui __1____yang tinggal di Kampung Cendana. Semoga datuk berada dalam keadaan sihat. Saya berharap nenek pun berada dalam __2___ sihat-sihat belaka.

Datuk,

Tujuan saya ________3____surat ini adalah untuk memberitahu datuk tentang kedatangan cucu. Saya merancang untuk ___4___ke kampung pada cuti sekolah iaitu 08.03.2010 hingga 15.03.2010. Dua orang rakan turut ____5____saya.

Ayah akan menghantar saya ke _______6____bas. Saya akan ke sana menaiki bas. Dari perhentian bas, saya akan menaiki teksi ke rumah datuk.

Datuk usah ________7____tentang keselamatan saya. Saya akan ____8____sebaik saja tiba di perhentian bas. Kita akan bersiar-siar dan ____9____ikan di sungai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Ramu A/L Kalai)

| | | |
|---|---|---|
| pulang | bimbang | datuk |
| keadaan | menemani | menulis |
| perhentian | memancing | telefon |

**Latihan 11**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Majlis hari jadi**

588, Lorong 2/A,
Taman Sejati Indah,
08100 Bedong,
Kedah.

10.02.2011

Menemui sahabatku yang tinggal di Pulau Pinang. Semoga anda berada dalam keadaan sihat. Saya berada dalam keadaan sihat-sihat belaka.

Ahmad,

Tujuan saya ____1________surat ini adalah untuk __2___saudara ke majlis hari jadi saya. Saya akan ______3____hari jadi saya yang ke 12 _____4____25 Februari 2010 ini.

Beberapa __5___untuk majlis hari jadi sedang dilakukan. Antaranya ialah menghias __6___dan __7___baju baru. __8__hari jadi saya akan diadakan di rumah saya pada pukul ____9____malam. Saya akan berasa _____10___sekiranya saudara datang ke majlis hari jadi saya.

Saya _____11___agar saudara ___12___ke majlis hari jadi saya. Saya akan menanti kehadiran saudara.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Mogan A/L Maniam)

| | | | |
|---|---|---|---|
| lapan | Majlis | menyambut | berharap |
| menulis | membeli | datang | gembira |
| persiapan | menjemput | pada | rumah |

**Latihan 12**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Ucapan Tahniah**

588, Lorong 2/A,
Taman Sejati Indah,
08100 Bedong,
Kedah.

10.02.2011

Menemui saudari yang tinggal di Johor. ___1__anda berada dalam __2 sihat walafiat. Saya di sini sihat-sihat belaka.

Nadia,

Tujuan saya ________3____surat ini adalah untuk __4___tahniah atas kejayaan saudari dalam _________5____UPSR.

Saya mendapat __6___tentang ___7____saudari melalui kakanda Sarah. Saya berasa sungguh gembira dan bangga atas kejayaan anda.

Kejayaan saudari menjadi __8____kepada saya. Saya akan _____9____jejak seperti ____10___saudari. Saya akan ___11___dengan _____12___untuk mendapat kejayaan dalam peperiksaan UPSR nanti.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Susila A/P Kumar)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Semoga | keadaan | mengucapkan | berusaha |
| kejayaan | dorongan | gigih | cemerlang |
| menulis | mengikut | berita | peperiksaan |

**Latihan 13**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

588, Lorong 2/A,
Taman Sejati Indah,
08100 Bedong,
Kedah.

10.02.2011

Menemui saudara yang tinggal di Ipoh. Semoga anda berada dalam keadaan sihat walafiat. Saya di sini sihat-sihat____1____.

Punithan,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk menceritakan tentang pengalaman saya tentang __2____ke Kuala Lumpur. Sebelum itu, saya mendapat surat saudara pada ___3____yang lalu. Saya ____4___surat anda. Pada cuti sekolah yang lalu, saya berpeluang melawat beberapa tempat yang menarik.

Pada cuti ___5___yang lalu, Persatuan ___6___Malaysia Persatuan Bahasa Malaysia sekolah saya telah ___7____lawatan ke Kuala Lumpur. Kami pergi ke sana ___8____bas. Antara ____9____yang dilawati ialah KLCC, Menara Berkembar, Taman Negara dan lain-lain.

Antara tempat yang ___10___hati saya ialah KLIA. Ia merupakan bangunan yang __11__dan luas. Terdapat juga ____12___Kawalan Trafik. Setakat ini saja buat kali ini.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(Kalaivanan A/L Subramaniam)

| | | | |
|---|---|---|---|
| menghargai | menawan | lawatan | tempat |
| Menara | sekolah | menganjurkan | Bahasa |
| belaka | besar | menaiki | bulan |

**Latihan 14**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

Jawatankuasa Penganjur Majlis Perpisahan,
Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Tupah,
08100 Bedong,
Kedah.

---

Guru Besar,
Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Tupah,
08100 Bedong,
Kedah. 12 Oktober 2011

Puan,

**Undangan Ke Majlis Perpisahan Tahun Enam**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa kami murid tahun enam seramai 50 orang bercadang untuk mengadakan majlis perpisahan.

Majlis perpisahan ini diadakan sebagai penghargaan kami kepada pihak sekolah.

2. Menerusi surat ini, dimaklumkan bahawa kami berbesar hati untuk mengundang puan hadir ke majlis ini. Butir-butir majlis ini adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 25 Oktober 2011 |
| Waktu | : | 9.30 pagi |
| Tempat | : | Dewan SJK(T) Ladang Tupah |

3. Kami sangat berbesar hati sekiranya puan melapangkan masa untuk turut serta di majlis ini. Kehadiran puan akan memeriahkan lagi majlis.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(MURUGAN A/L NARAYANAN)
Setiausaha,
Majlis Perpisahan Tahun Enam,
SJK(T) Ladang Tupah.

**Latihan 15**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

53, Lorong 2/1,
Taman Kempas,
08000 Sungai Petani,
Kedah.

---

Guru Darjah,
SJK(T) Ladang Tupah,
08100 Bedong,
Kedah. 20 Julai 2011

Tuan,

**Tidak Hadir Ke Sekolah**

Dengan __1___dimaklumkan bahawa saya Divya A/P Subramaniam, murid Tahun 6USM tidak dapat hadir ke __2__dari 7 hingga 10 Julai 2011.

2. Saya terpaksa mengambil __3__kerana badan saya tidak sihat. Ibu membawa saya ke __4___Besar Sungai Petani. Selepas diperiksa, _5_____ memberitahu bahawa saya menghidapi penyakit demam denggi.

3. Doktor telah memberi ___6___dan suntikan kepada saya. Beliau menasihatkan saya supaya __7___selama empat hari. Jadi, saya terpaksa mengambil cuti selama __8___hari.

4. Saya berharap cikgu dapat memahami __9___dan memaafkan saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

(DIVYA A/P SUBRAMANIAM)

| | | |
|---|---|---|
| sekolah | empat | berehat |
| cuti | hormatnya | ubat |
| Hospital | doktor | keadaan |

**Latihan 16**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Kebaikan membaca**

Membaca ialah __1______ilmu. Ini bermaksud dengan membaca kita memperoleh banyak __2____.

Orang yang banyak membaca ___3____luas. Mereka dapat memberikan buah ____4____yang bernas. Melalui membaca, kita dapat mengetahui keadaan di ____5____dan di luar negeri.

Melalui membaca, pengetahuan ini dapat digunakan untuk ____6__diri, bangsa dan negara.__7____ yang banyak membaca akan menjadi tempat rujukan ramai. Ahli ___8____pandai kesemuanya __9____membaca.

Selain itu, orang yang banyak membaca tidak mudah ___10___dengan sesuatu berita. Mereka mampu __11___sesuatu dengan baik.

Kesimpulannya, kita memperoleh banyak ilmu daripada pembacaan. Rakyat yang rajin membaca dapat ____12___negara.

| | | |
|---|---|---|
| ilmu | fikiran | memajukan |
| bijak | pengetahuannya | dalam |
| jambatan | terpengaruh | Orang |
| menjelaskan | rajin | memajukan |

**Latihan 17**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Faedah menyimpan wang**

Menyimpan wang adalah menjimatkan wang __1__ kita. Kita boleh menyimpan wang di dalam __2__ atau di bank.

Kita peroleh banyak __3__ melalui menyimpan wang. Wang simpanan dapat __4__ beban ibu bapa. Kata boleh membeli bahan bacaan seperti alat tulis, buku latihan, buku __5__, buku nota melalui wang simpanan.

Selain itu, kita boleh menggunakan wang simpanan untuk memenuhi keperluan __6__. Antara keperluan asas kita adalah __7__ dan makanan.

Di samping itu,kita boleh __8__ wang simpanan semasa kesusahan. Contohnya, kita boleh menggunakan wang ini untuk perbelanjaan __9__. Kita tidak perlu mengharapkan bantuan kewangan ibu bapa.

Seterusnya, amalan menyimpan wang __10__ kita untuk perbelanjaan melanjutkan pelajaran ke __11__.

Kita mesti menyimpan wang untuk kebaikan kita. Kita perlu __12__ sikap berjimat cermat dari kecil lagi.

| | | |
|---|---|---|
| kebaikan | asas | tabung |
| pakaian | perubatan | melatih |
| perbelanjaan | amalkan | meringankan |
| menggunakan | rujukan | universiti |

**Latihan 18**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Kebaikan menonton televisyen**

Televisyen merupakan ____1____elektronik yang dicipta oleh manusia. Kini, setiap __2____ada televisyen.

Terdapat banyak ____3____melalui menonton televisyen. Televisyen memberi __4____kepada penonton. Televisyen ____5____laporan-laporan berita. Melalui berita, kita mengetahui __6____penting yang berlaku di dalam dan di luar negara.

Selain itu, televisyen juga memberi ____7____kepada penonton terutamanya kepada para pelajar. Rancangan-rancangan pelajaran seperti TV __8____amat berguna kepada pelajar.

Di samping itu, televisyen juga menjadi _9____di antara penjual dan pembeli. Televisyen menayangkan iklan-iklan menarik tentang sesuatu barang. Iklan menolong ____10___jualan barang.

Kesimpulannya, _____11___televisyen memang menyumbangkan banyak kebaikan kepada___12___.

| | | |
|---|---|---|
| rumah | maklumat | peristiwa |
| penghubung | penciptaan | kebaikan |
| Pendidikan | pengetuan | media |
| menyiarkan | melariskan | manusia |

**Latihan 19**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Pencemaran alam sekitar**

Pencemaran alam ___1___ adalah mencemarkan ____2___ alam dengan sampah sarap.

Terdapat banyak pencemaran. Antaranya ialah pencemaran air, pencemaran ___3___ dan pencemaran bunyi. Pencemaran air berlaku akibat ___4___ sisa toksik ke dalam ___5___. Selain itu, pencemaran udara berlaku akibat __6___ secara terbuka dan pelepasan ___7___ kilang yang tidak terkawal. Di samping itu, pencemaran bunyi pula berlaku akibat bunyi ___8___ daripada kenderaan dan aktiviti perkilangan.

Pencemaran alam sekitar menyebabkan __9__. Selain itu, hidupan laut seperti ikan menjadi __10___ pencemaran.

Oleh itu, kita haruslah mengutamakan _____11___ alam sekitar bagi mengatasi pencemaran. Ini dapat menghindarkan penyakit-penyakit. Selain itu, ia akan melahirkan rakyat yang sihat.

Kesimpulannya, kita haruslah ___12___ kebersihan alam sekitar bagi mengatasi pencemaran alam sekitar.

| | | |
|---|---|---|
| pembuangan | sungai | asap |
| udara | pembakaran | mangsa |
| kebersihan | bising | kebersihan |
| penyakit | menjaga | sekitar |

**Latihan 20**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Perkhemahan Pengakap**

Pada cuti penggal yang pertama, kami ahli ______1____Pengakap Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladan Tupah mengadakan perkhemahan di _2____Hutan Lipur,____3____. Rombongan kami bertolak pada pukul 8.30 pagi dengan ____4____sebuah bas.

Kami ____5____khemah, mencari kayu api dan ______6____air.

Kerja-kerja ____7____dan mengambil air dilakukan oleh ahli pengakap yang lain. Mereka mengambil air dari ___8____yang berhampiran dengan tapak perkhemahan.

Pelbagai aktiviti telah diadakan sepanjang perkhemahan. Antaranya ialah ____9____kaki, ____10____cemas, mendaki gurung dan pertandingan khemah terbersih.

Perkhemahan yang diadakah selama tiga hari itu, banyak memberi pengetahuan dan ____11___ kepada kami. Kami berasa sungguh___12___.

| | | |
|---|---|---|
| seronok | pertolongan | kawad |
| pengalaman | menjerang | Perak |
| menaiki | memasak | sungai |
| Persatuan | mendirikan | pinggir |

**Latihan 21**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Faedah Menyertai Kegiatan Kokurikulum**

Kegiatan kokurikulum lebih mendatangkan kebaikan kepada para pelajar.

Kegiatan kokurikulum merangkumi persatuan, ____1____, permainan dan sukan. Ia kini diadakan di semua________2____. Dengan adanya kegiatan kokurikulum, para murid akan didedahkan dengan pelbagai aktiviti. Dengan ini murid-murid dapat ________3____bakat mereka yang sedia ada.

Melalui kegaitan kokurikulum ini juga, murid-murid dapat __4__menjadi seorang yang________5____. Contohnya, melalui penyertaan di dalam pasukan_______6____, murid-murid dikehendaki ______7____pemimpin dan sentiasa menjaga _____8____diri.

Di samping itu, melalui ____9____kegiatan kokurikulum, murid-murid akan dilatih untuk bekerjasama serta saling menghormati antara satu sama lain. Dengan ini negara kita dapat terus hidup dengan aman.

Justeru itu, melalui kegiatan aktiviti kokurikulum ini juga, murid-murid dapat dilahirkan sebagai seorang yang______10___. Contohnya murid yang menyertai ______11________bola sepak, dengan tunjuk ajar yang sempurna ia boleh menjadi seorang pemain bola sepak profesional suatu hari nanti.

Oleh yang demikian, setiap murid harus menyertai kegiatan kokurikulum yang diadakah di sekolah demi ____12_____masing-masing.

| | | |
|---|---|---|
| berjaya | berdisiplin | kebaikan |
| permainan | keperibadian | menghormati |
| menyertai | pengakap | kelab |
| sekolah | mengasah | dilatih |

**Latihan 22**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

## Cara Mengisi Masa Lapang

Masa lapang boleh diisi dengan pelbagai cara. Pelbagai aktiviti boleh dilakukan pada masa lapang. Masa ___1___ memberikan banyak faedah kepada kita.

Kita boleh membaca pada masa lapang. Jika banyak membaca, kita akan dapat menulis ___2___ dengan baik. Kita boleh membaca buku cerita dan ___3___ khabar.

Hobi juga dapat mengisi masa lapang. Contohnya, mengumpul setem, berkebun dan ___4___ pokok bunga. Aktiviti ini dapat menambah pengetahuan dan pengalaman kita.

Di samping itu, pada masa lapang kita boleh membantu ibu bapa. Antara ___5___ yang boleh kita buat adalah ___6___, membersihkan ___7___ rumah dan menjaga adik di rumah.

Selain itu, kita juga boleh ___8___ tempat-tempat ___9___ pada masa lapang. Contohnya, zoo, muzium dan ___10___ sains.

Masa lapang harus diisi dengan kegiatan yang ___11___. Janganlah biarkan masa ___12___ dengan sia-sia sahaja.

| | | |
|---|---|---|
| berfaedah | terbuang | melawat |
| pusat | pertolongan | kawasan |
| menarik | menanam | mengemas |
| karangan | surat | lapang |

**Latihan 23**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**Pengalaman Bercuti Di Sebuah Kampung**

Pengalamanku yang paling indah ketika pergi ____1____di sebuah kawasan perkampungan yang terletak di Lubuk Tertua, Terengganu. Kami sekeluarga menginap di sebuah rumah tumpangan.

Pada sebelah petang, kami telah _____2____dengan masakan lazat seperti ikan masak lemak, nasi ___3____Terengganu dan sebagainya. Pada waktu ____4____pula, aku berjalan di tepi pantai _______5____oleh ayah.

Pada keesokkan hari, kami telah __6___ke dusun buah-buahan. Kami telah merasa buah-buahan di situ seperti____7____,manggis dan rambutan.

Selain itu, kami juga ______8____di sungai yang berdekatan. Airnya jernih dan _____9____sekali. Kami menangkap ikan yang besar.

Setelah tiga hari berada di sana, kami ______10___semula ke rumah. Aku berasa sungguh gembira dan _____11___kerana berpeluang merasai pengalaman yang ____12___seperti ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| pulang | dijamu | memancing | durian |
| goreng | bercuti | sejuk | seronok |
| melawat | ditemani | malam | indah |

**Latihan 24**

**Lengkapkan karangan dengan menggariskan jawapan yang betul. Salin semula ayat-ayat ini supaya menjadi satu karangan.**

**Faedah menyimpan**

Yang mulia Tuan Pengerusi Majlis, ( juri / pengadil / hakim ) yang bijaksana dan para ( pendatang / pengunjung / hadirin ) sekalian. Tajuk ( ucapan / syarahan / laporan ) saya ialah, “Faedah Menyimpan Wang”.

Kita tidak dapat hidup dengan ( sempurna / panuh / lengkap ) tanpa wang. Wang sangat penting ( pada / kepada / daripada ) manusia. Menyimpan wang adalah satu ( tugasan / pengajaran / amalan ) yang baik. Menyimpan wang mempunyai banyak ( faedah / keburukan / kebaikan ).

Wang boleh digunakan pada masa ( kecemasan / kesalahan / kesilapan ) seperti bayaran perubatan dan untuk melanjutkan ( ajaran / pelajaran / pengajaran). Kita juga boleh membeli barang-barang ( kegunaan / kemahuan / keperluan ) dengan tunai.

Wang mesti disimpan di tempat yang ( baik / bagus / selamat ) seperti bank atau pejabat pos. Kita juga boleh mendapat faedah melalui ( menyimpan / penyimpan / simpanan ) ini.

Sekian, terima kasih.

**Latihan 25**

**Lengkapkan karangan dengan jawapan yang diberi. Salin semula ayat-ayat ini supaya menjadi satu karangan.**

**Ucapan perpisahan bagi seorang guru**

Yang mulia Tuan Guru Besar, guru-guru serta rakan-rakan yang saya ____1____ . Terlebih dahulu saya ____2____ selamat datang kepada anda semua.

Hari ini adalah hari ____3____ bagi Cikgu Leena di sekolah ini. Beliau akan ____4____ di sekolah lain mulai hari Ahad ini. Majlis ini ____5____ untuk ____6____ jasa baik beliau.

Cikgu Leena telah ____7____ berkhidmat di sekolah ini iaitu selama lapan tahun. Beliau seorang guru yang ____8____ dan ____9____ Beliau telah banyak berjasa dalam bidang ____10____ dan ____11____ Beliau juga selalu memberi ____12____ kepada kami.

Saya berasa sedih atas ____13____ beliau. Saya ____14____ murid-murid sekolah ini mengucapkan selamat ____15____ jaya kepada beliau.

Sekian, terima kasih.

| | | | |
|---|---|---|---|
| berkhidmat | akademik | hormati | mewakili |
| mengenang | diadakan | terakhir | nasihat |
| pertukaran | mengucapkan | lama | rajin |
| ko-kurikulum | maju | bertanggungjawab | |

**Latihan 26**

**Lengkapkan karangan dengan menggariskan jawapan yang betul. Salin semula ayat-ayat ini supaya menjadi satu karangan.**

**Ucapan wakil murid pada Hari Guru**

Yang ( hormat / baik / mulia ) Tuan Pengerusi Majlis, Tuan Guru Besar serta rakan-rakan sekalian.

Hari Guru ( dipersembahkan / disambut / diucapkan ) pada 16 Mei setiap tahun. ( Tajuknya / Kegunaannya / Tujuannya ) ialah untuk ( mengenang / membayang / melukis ) jasa dan perjuangan guru.

Guru sentiasa ( mengatakan / memberikan / mendidik ) kami supaya menjadi manusia yang ( beruntung / bekerja / berguna ). Ia adalah satu ( tugas / operasi / lakonan ) yang berat. Namun, ia tetap dilaksanakan demi ( keuntungan / kepentingan / kegunaan ) kami.

Kami ( mengatakan / memberikan / mengucapkan ) ribuan terima kasih atas tunjuk ajar dan nasihat anda ( semenjak / selama / sejak ) ini. Kami akan ( menggunakan / mengerjakan / mengamalkan ) segala ilmu yang diajar untuk ( mendapat / menyentuh / mencapai ) cita-cita kami pada masa hadapan.

( Tamat / Selesai / Akhir ) sekali, saya mengucapkan Selamat Hari Guru dan selamat ( makmur / maju / gembira ) jaya.

Sekian, terima kasih.

## Latihan 27

**Susunkan rangkaikata yang diberi supaya menjadi ayat yang betul.**
**Tulis semula karangan ini.**

### Ucapan guru besar di perhimpunan

Selamat __1____kepada guru-guru dan murid-murid sekalian. Minggu ini merupakan minggu _____2____persekolahan.

Saya ingin memberitahu kamu tentang ______3____kamu sebagai pelajar dan __________4____di rumah. Sebagai pelajar, __5____kamu lupa untuk mengulangkaji__6____. Sebagai anak pula, kamu perlu __7 _____keluarga.

Banyak perkara boleh buat seperti menjaga adik, membantu ibu dan membersihkan__8____. Kini, sekolah kita ___9____banyak masalah disiplin. Ia adalah seperti _____10___sekolah dan ___11___harta benda sekolah.

Amalkan __12___yang baik. Sekian sahaja ucapan saya. Akhirnya, selamat bercuti kepada anda semua.

| | | |
|---|---|---|
| pelajaran | menghadapi | merosakkan |
| tanggungjawab | sikap | ponteng |
| anak | terakhir | rumah |
| janganlah | pagi | membantu |

**Latihan 28**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**LAPORAN LAWATAN PERSATUAN BAHASA MALAYSIA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TUPAH**

Pada hari Sabtu yang lalu, 3 ____1____2010, seramai 30 murid SJK(T) Ladang Tupah telah mengadakan lawatan sambil 2____ke Kuala Lumpur. Tujuan lawatan ini adalah untuk ____3____pengetahuan. Lawatan ini diringi oleh tiga orang guru.

Kami ____4____pada 8.30 pagi. Perjalanan ke Kuala Lumpur telah mengambil ____5____dua jam. Pelbagai ____6____telah dilakukan di dalam bas seperti menyanyi dan __7____permainan keci.

Kami ____8____di Muzium Negara pada pukul 10.20 pagi. Di Muzium Negara, kami mengetahui __9____rakyat Malaysia. Kami sempat ___10 maklumat penting.

Selepas itu, kami makan di Tasik Perdana. Selepas makan, kami mengunjungi Pasar Budaya. Kami membeli __11___sebagai buah tangan.

Semasa waktu pulang, kami singgah di Putrajaya. Kami _12___akan keindahan Putrajaya. Kira-kira pada pukul 6.30 petang, kami tiba di sekolah.

Laporan disediakan oleh, 14 Februari 2010

(ANAND A/L KUMAR)
Setiausaha
Persatuan Bahasa Malaysia

| | | |
|---|---|---|
| bermain | kagum | mencatat |
| bertolak | singgah | aktiviti |
| cenderamata | belajar | masa |
| sejarah | memperluas | Februari |

**Latihan 29**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**LAPORAN SUKAN TAHUNAN**
**SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TUPAH**

Pada hari Sabtu, 23 Mac 2010 yang lalu, ____1____saya telah mengadakan sukan __2____yang ke enam. Sukan telah _3____pada pukul 2.00 petang.

Tepat pukul 2.30_____4____, acara dimulakan. Upacara dimulakan dengan lintas ___5____oleh murid-murid. Sukan tahunan telah _6____oleh Pegawai __7____Daerah, Encik Hamid.

Kemudian diadakan acara larian seperti 100___8___meter, 400 meter dan 4X400 meter. Peserta dari rumah hijau, kuning, biru, merah dan ungu telah ____9____berungguh-sungguh.

Pada jam 4.30 petang, acara untuk ibu bapa dan guru telah diadakan. Sebelum acara berakhir pada jam 6.00 petang, Arvind dan Pavitrah telah diumumkan sebgai ___10___dan olahragawati. Selain itu, rumah ungu telah menjadi___11___.

Murid-murid telah ____12___padang. Saya berasa gembira pada hari sukan.

Laporan disediakan oleh , 15 April 2010

(LIM KHOOI WAN)

| | | |
|---|---|---|
| hormat | berlari | Pelajaran |
| meter | olahragawan | dimulakan |
| petang | johan | membersihkan |
| dirasmikan | tahunan | sekolah |

**Latihan 30**

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai. Tulis semula karangan yang lengkap.

**LAPORAN PERKHEMAHAN SEKOLAH**
**SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (TAMIL) LADANG TUPAH**

Pada hari Sabtu, 23 Mac 2010 yang lalu sekolah saya telah mengadakan ___1___ di Bukit Jaya. Tujuan lawatan ini adalah untuk menjadikan ahli _2___ berani. Ini merupakan aktiviti pertama tahun ini.

Perkhemahan ini disertai oleh 90 _3___ ahli dan 4 orang guru. Kami bertolak jam 8.00 pagi dari sekolah. Kami ___4___ bas yang disewa khas oleh _5___.

Ahli-ahli dibahagikan kepada lapan____6____. Setiap kumpulan diberi nama sempena_7____. Setelah tiba di Bukit Jaya, kami membersihkan tapak dan mendirikan_____8____.

Aktiviti pertama merupakan _9____ meneroka Bukit Jaya. Kami menikmati keindahan flora dan fauna. Guru-guru melarang kami merosakkan keindahan alam.

Selepas ekspedisi ___10___ Bukit Jaya, kami membuat persembahan kumpulan. Kumpulan Kijang mendapat tempat pertama. Kami _11___ pada jam 11.30 malam. Kami bermalam di Bukit Jaya.

Pada hari keesokkan, kami pulang pada jam 11.15 pagi. Peserta berasa ___12___ dalam perkhemahan ini. Kami berharap perkhemahan ini akan diadakah dari masa ke semasa di sekolah.

Laporan disediakan oleh ,                                    15 April 2010

(LIM KHOOI WAN)

| | | |
|---|---|---|
| seronok | khemah | kumpulan |
| orang | berjiwa | ekspedisi |
| meneroka | pekhemahan | sekolah |
| menaiki | haiwan | tidur |

**Latihan 31**

Lengkapkan karangan dengan manggariskan jawapan yang betul. Tulis semula karangan ini.

SUNGAI PETANI , Rabu – SJK(T) Ghandi telah mengadakan (acara / majlis / program) perasmian bangunan baru.

Majlis ini bermula (dari / pada / kepada) pukul 2.30 petang. Ia (dirasmikan / dibukakan / dimulakan) oleh Tuan Penyelia Sekolah-sekolah Tamil Kedah, Encik P.Govindan. Majlis itu telah dimulakan dengan (huraian / ucapan / syarahan) Tuan Guru Besar, Encik Balan. Menurut beliau, bangunan ini (dibina / direka / dibuat) untuk (mengisi / memuat / menampung) bilangan murid yang bertambah.

Majlis telah (ditambahkan / diteruskan / dilanjutkan) dengan ucapan Tuan Penyelia. (Dalam / Pada / Di) ucapannya, beliau menyeru murid-murid belajar dengan (bersusah-susah / bersungguh-sungguh / berhati-hati).

Majlis ini (dimeriahkan / dicantikkan / dibesarkan) lagi dengan persembahan kebudayaan. (Dalamnya / Bagainya / Antaranya) ialah tarian, drama dan nyanyian. Para hadirin telah kagum dengan (nakal / sikap / bakat) murid-murid itu. Majlis itu (bertutup / berakhir / berhenti) pada jam 6.00 petang.

**Latihan 32**

Lengkapkan karangan dengan manggariskan jawapan yang betul. Tulis semula karangan ini.

IPOH, Sabtu – Satu ___1___ tanah runtuh telah berlaku di Guah Tempurung. Kejadian itu ___2___ pada pukul 9.00 pagi semalam. Ia telah menyebabkan ______3______ lalu-lintas di Lebuhraya Utara-Selatan.

Dalam kejadian itu berpuluh-puluh orang dipercayai ____4____ di situ. Kebanyakan ______5______ tinggal di kawasan lereng bukit itu. Satu pasukan ______6______ telah dikejarkan ke tempat kejadian. Mereka menjalankan operasi sehari _____7_____.

____8____ jurucakap polis, kejadian ini disebabkan oleh ____9____ bumi. Akibatknya, tanah dari atas bukit itu runtuh ______10______. ini menyebabkan rumah-rumah di situ ____11____.

Beliau ______12______ bahawa sehingga petang ini sepuluh mayat telah ____13____ . Kesemua ______14______ telah dihantar ke hospital untuk ______15______ siasat.

| | | |
|---|---|---|
| mayat | musnah | gegaran |
| penyelamat | tertimbus | berlaku |
| kesesakan | dibedah | kejadian |
| mangsa | Menurut | suntuk |
| bawah | mengesahkan | ditemui |

## Latihan 33

Lengkapkan karangan dengan manggariskan jawapan yang betul. Tulis semula karangan ini.

Pada cuti penggal yang lalu, kamu bersama rakan-rakan telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Kuala Lumpur. Tuliskan sebuah catatan mengenai lawatan tersebut.

Sabtu, 2 Februari 2010

| | |
|---|---|
| 8.00 pagi : | Murid-murid berkumpul di _______sekolah.<br>Semua murid ____________kemas.<br>Ketua_________, Cikgu Nathan memberikan sedikit taklimat berkaitan dengan lawatan.<br>Kami bertolak degnan __________bas. |
| 10.00 pagi : | Kami tiba di Kuala Lumpur.<br>Mula-mula kami melawat Muzium Negara.<br>Di sana, kami _______melihat barang-barang purba. |
| 12.00 tengah hari : | Kami _________sambil makan tengah hari di Tasik Perdana. |
| 2.00 petang : | Kami dibawa melawat ke Tugu Negara, Menara Kuala Lumpur dan Parlimen.<br>Di sana kami mendapat ________tentang Bangunan Parlimen yang jelas. |
| 5.00 petang : | Kami _________ke salah sebuah _____membeli belah.Saya membeli anak _______untuk adik. |
| 6.30 petang : | Kami bertolak dari situ.<br>Dalam_________, kami berbual-bual tentang keseronokan ________bandaraya Kuala Lumpur. |

| | | |
|---|---|---|
| berpeluang | perjalanan | pusat |
| melawat | gambaran | patung |
| berpakaian | berkelah | menaiki |
| dibawa | Rombongan | hadapan |

**Latihan 34**

Lengkapkan karangan dengan manggariskan jawapan yang betul. Tulis semula karangan ini.

Perbualan antara penjual ikan dan pembeli

| | | |
|---|---|---|
| Puan Kamsiah | : | Selamat pagi, ____________ . |
| Penjual Ikan | : | Selamat pagi, _____________. Apa khabar? |
| Puan Kamsiah | : | Khabar baik. _____________ banyak ikan hari ini. |
| Penjual Ikan | : | Ya, pada waktu pagi ___________ ada banyak ikan. |
| Puan Kamsiah | : | Ikan __________ yang ada? |
| Penjual Ikan | : | Ada ikan merah, ikan kembung, ikan parang dan _________ lagi. |
| Puan Kamsiah | : | Berapakah _______________ ikan parang ini? |
| Penjual Ikan | : | Lima ringgit! _____________ . |
| Puan Kamsiah | : | Lima ringgit! _____________, mahalnya! Kurangkanlah sedikit. |
| Penjual Ikan | : | Maafkan saya, kak. Harganya tidak boleh ________ lagi. Kalau kakak mahu yang ______________ , ambillah ikan kembung ini. |
| Puan Kamsiah | : | Baiklah. Kalau begitu ___________ ikan kembung sekilo. |
| Penjual Ikan | : | ______________ ikannya, kak. |
| Puan Kamsiah | : | Ini ____________. |
| Penjual Ikan | : | Terima kasih. |
| Puan Kamsiah | : | ______________. |

| | | | |
|---|---|---|---|
| sama-sama | apa | ini | Encik Chong |
| duitnya | lain-lain | berilah | Puan Kamsiah |
| amboi | sekilo | memang | berilah |
| nampaknya | harga | murah | dikurangkan |